

05/02/1999

Ekuiti Bumiputera dibeli secara ad-hoc

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Kelonggaran untuk pembelian pegangan ekuiti Bumiputera oleh pelabur tempatan bukan Bumiputera sudah berlaku secara ad-hoc walaupun kerajaan belum menjadikannya sebagai satu dasar.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, berkata kelonggaran dalam hal itu diberikan mengikut kes berdasarkan rundingan sendiri yang dilakukan syarikat terbabit.

"Secara ad-hoc ia sudahpun berlaku, cuma dasarnya belum lagi. Dalam keadaan gawat ini kita terpaksa membuat penyesuaian dasar-dasar kita," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usahasama di antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Klinik Optometri UKM Sdn Bhd untuk pembangunan Klinik Latihan Optometri, Jabatan Optometri UKM, hari ini.

Beliau mengulas permintaan Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM) semalam supaya kerajaan melonggarkan peraturan pegangan ekuiti Bumiputera dengan memberi ruang lebih besar kepada pelabur tempatan.

Mustapa, yang juga Menteri Kewangan Kedua, berkata sudah ada syarikat Bumiputera mengadakan perbincangan dengan bukan Bumiputera untuk mengadakan usahasama ataupun menjual saham syarikat.

Katanya, kebenaran diberikan dalam kes tertentu selepas kerajaan mengambil kira pandangan yang dikemukakan serta perkembangan ekonomi semasa.

"Ada pandangan yang kalau kita boleh menerima pelabur asing untuk membeli saham Bumiputera, kenapa tidak kita menerima rakyat Malaysia sendiri untuk membeli ekuiti Bumiputera," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan apakah kerajaan akan mengubah dasar mengenai pegangan ekuiti Bumiputera yang ternyata menerima kesan teruk akibat kegawatan ekonomi negara.

Kini kerajaan mensyaratkan 30 peratus ekuiti syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dipegang oleh pelabur Bumiputera.

Tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkatacadangan membenarkan bukan Bumiputera membeli ekuiti milik Bumiputera adalah untuk tempoh sementara bagi kes tertentu.

Menurutnya, langkah itu terpaksa diambil bagi membantu syarikat yang menghadapi masalah akibat kegawatan ekonomi.

Laporan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang dikeluarkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) tahun lalu menyebut nilai pasaran ekuiti pegangan pelabur Bumiputera merosot kira-kira 54 peratus berbanding bukan Bumiputera (50 peratus) dan pelabur asing (47 peratus).

Terdahulu, dalam ucapannya, Mustapa berkata perkongsian pintar antara universiti dengan syarikat swasta adalah relevan dalam usaha pembangunan usahawan yang profesional.

Katanya, usaha sedemikian memberi peluang kepada pakar optometri di UKM mempraktikkan pengetahuan mereka selain menjadi tempat latihan bagi pelajar bidang optometri UKM.

Pada majlis itu, Mustapa turut merasmikan Klinik Optometri UKM, projek usahasama di antara UKM dengan Eye Master Corporation Sdn Bhd (Eye Master) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

(END)